WALAU KECOH UMNO KELANTAN TETAP TEGUH...

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

● TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

KOTA BHARU, Jumaat — Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah menegaskan, tidak ada keretakan dalam UMNO Negeri ini walaupun berlaku sedikit kekecohan baru-baru ini.

Katanya, beliau tidak akan terpengaruh dengan 'lobi-melobi' dan cadangan-cadangan melalui surat dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit di peringkat bahagian dan cawangan UMNO Negeri ini.

"Saya akan berpandukan perlembagaan parti dalam menyelesaikan sesuatu perkara dan sebarang urusan parti," tegasnya sewaktu berucap di majlis dialog dengan para pemimpin KEMAS peringkat Negeri Kelantan di sini semalam.

Beliau berharap sebarang masalah atau perbalahan yang timbul di peringkat bahagian dan cawangan dapat diatasi dengan baik demi kepentingan perpaduan parti seluruhnya.

Tengku Razaleigh mengingatkan: "Jangan pula disebabkan pergeseran kecil itu selepas tiga tahun kuasa di tangan kita dilucutkan oleh rakyat, jika ini berlaku PAS akan memerintah semula negeri ini."

Beliau khuatir adanya hasrat setengah orang yang hendak menjadi calon dalam pilihanraya dan Ketua Bahagian UMNO akan berlaku pergeseran sesama sendiri.

"Saya pandang dari jauh baru-baru ini ada tanda-tanda keretakan tetapi ia tidak berlaku, perpaduan dan kekuatan UMNO di Kelantan tetap utuh," tegasnya.

Gerakan

Tengku Razaleigh menasihatkan Ketua-ketua UMNO Bahagian Negeri ini menangguhkan mesyuarat agung cawangan dan perwakilan bahagian kepada masa yang lebih sesuai bagi mengelakkan perpecahan sekiranya ada pertandingan.

Menurutnya, "Pergeseran dalam Bahagian sukar diselesaikan kecuali orang-orang berkenaan menghulurkan tangan bersalaman, saya sendiri tidak masuk campur kecuali keadaan menjadi lebih buruk."

Mengenai pilihanraya Tengku Razaleigh berkata, UMNO Kelantan sedia menghadapi tentangan hebat dari parti lawan.

"Kita akan merebut semua 36 kerusi Dewan Negeri dan 12 Parlimen dan akan tawan balik kerusi yang kalah dan pertahankan kerusi yang menang," ujarnya lagi.

Beliau menyeru para pemaju dan penyelia KEMAS mengaturkan gerakan penerangan kepada semua peringkat rakyat dan menumpukan sepenuh masa di kawasan masing-masing.

Tengku Razaleigh berkata, beliau puas hati dengan susunan jentera pilihanraya parti peringkat negeri kerana mempunyai tenaga yang mencukupi.

Beliau yakin peristiwa pilihanraya 1959 tidak mungkin berulang lagi kepada UMNO di Kelantan kerana susunan parti berlainan dulu dan sekarang.

Mengenai kegiatan setengah pihak menggunakan nama beliau bagi sesuatu kepentingan, Tengku Razaleigh berkata: "Saya tidak dapat sekat perbuatan itu nama Perdana Menteri pun digunakan orang, dalam hal ini terpulang kepada kita sendiri bekerja mengikut susunan bagi mengemaskan jentera parti."